

Pensyarah baru lepas bersalin catat sejarah UPM

Ibu tiga anak terima dua PhD

Oleh NADIA SHAIFUL BAHARI

SERDANG – Seorang ibu yang masih dalam pantang mencatat sejarah Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila menjadi graduan pertama universiti itu yang menerima dua ijazah kedoktoran pada Majlis Konvokesyen Ke-40 UPM yang berlangsung di sini semalam.

Noor Azira Abdul Mutalib, 31, yang merupakan pensyarah kanan di Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM berkata, dua Ijazah Doktor Falsafah (PhD) tersebut adalah penyelidikan dalam bidang mik-

robiologi perubatan dan mikrobiologi makanan yang masing-masing dianugerahkan oleh UPM dan Institut Teknologi Kyushu (ITK), Jepun.

“Saya menerima dua PhD ini selepas memenuhi syarat yang ditetapkan oleh kedua-dua universiti melibatkan penerbitan tiga buah manuskrip.

“Saya merasa puas hati setelah tiga tahun setengah berhempas pulas mengikuti pengajian,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Beliau yang baru 21 hari melahirkan anak ketiga bakal menyambung tugas semula pada Januari hadapan.



NOOR AZIRA



PASANGAN kembar seiras, Siti Mazidah (kanan) dan Siti Maziah (dua dari kanan) bersama Nurain (kiri) dan Nurfarah menunjukkan ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen UPM di Serdang semalam.

Seramai 7,200 graduan menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen terse-

but yang berlangsung selama empat hari bermula kelmarin. Sementara itu, dua pasangan

kembar seiras turut berkongsi pentas sama apabila berjaya menggenggam ijazah masing-masing pada majlis konvensyen semalam.

Mereka ialah Siti Maziah Mohd. Faudzi, 29, dan kembarnya Siti Mazidah serta pasangan kembar Nurain Muhammad Zain, 26, dan Nurfarah.

Tambah menarik apabila kedua-dua pasangan kembar ini memilih jurusan pengajian yang sama.

Siti Maziah dan Siti Mazidah merupakan graduan Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia dari Fakulti Ekologi Manusia.

Nurain dan Nurfarah pula graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Linguistik Melayu.